



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



**BERITA**

24 JAM

**KPDN**

**KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE**

*Untuk makluman:*

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PP)
- Setiausaha Akhbar

**Tarikh: 26 JUN 2024**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Petrol kini jadi tumpuan penyeludup di Rantau Panjang

**Tinjauan BH dapati pengisian berulang masih berlaku, kenderaan isi diesel pula berkurangan**

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim  
rafazlina@ustp.com.my

**Rantau Panjang:** Pam diesel di beberapa stesen minyak sekitar kawasan sempadan, di sini, di dapati longgang, tetapi pam petrol sebaliknya sesak sehingga pelanggan perlu menunggu giliran untuk membuat pengisian bahan api itu.

Malah, berdasarkan hasil tinjauan seawal jam 7 hingga 9 pagi semalam, pembelian berulang untuk pengisian RON95 dilihat masih berlaku, walaupun kerajaan baru-baru ini mengumumkan ia dilarang di semua stesen minyak di Kelantan bagi mengelak petrol

berubsidi itu disalurkan ke negara jiran.

Bulan ini sudah, puluhan kereta yang kebanyakannya jenis Proton Waja dengan nombor pendaftaran Malaysia turut didapati memenuhi beberapa stesen minyak untuk mengisi petrol sebelum sebahagian kenderaan tersebut dilihat masuk ke negara jiran.

Bahkan, ada sebilangan kenderaan terbabit dilihat beredar ke lokasi lain selepas mengisi petrol RON95, tetapi kemudian datang semula ke stesen sama untuk membuat pembelian lagi.

Selain Proton Waja, kenderaan pacuan empat roda, termasuk Pajero dan Hilux juga dilihat membuat pengisian petrol RON95.

Petruah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, Annan Ismail, ketika dihubungi merakamkan jualan diesel di sempadan mengalami pengurangan, manakala petrol pula berlaku peningkatan.

Inqammatapun, beliau menjelaskan, pihaknya tidak mempunyai data tepat memandangkan pelaksanaan penyusunan subsidi diesel baru bermula, dan jua-

lah pengurangan serta peningkatan itu dijangka diperoleh akhir bulan ini.

"Namun, sepanjang bulan ini hingga semalam, tiada kes tangkapan dan rampasan membabitkan diesel. Sebaliknya, hanya kes petrol direkod membabitkan 27 kes rampasan 4,000 liter petrol bernilai lebih RM1,200.


"Kebanyakan penyeludup petrol dikesan menggunakan kenderaan biasa dengan kebanyakannya adalah Proton Waja disebabkan tangki yang besar," katanya.

## Syngas masih laku

Pada masa sama, Annan turut memaklumkan masih berlaku pengisian petrol secara berulang di sempadan, namun ia sudah dibuktikan berkaitan kos yang anggap.

"Untuk membuktikan logik yang berkenaan, kita perlu berada di stesen terbabit 24 jam sedangkan kita sendiri berdepan kekurangan kos anggotan.

"Namun, sekiranya perancangan kita untuk memasang kamera litar tertutup (CCTV) di stesen minyak sekitar kawasan sempadan dilaksanakan, kita akan lebih mudah membuat pemon-



Hasil tinjauan BH seawal jam 7 hingga 9 pagi semalam mendapati pembelian berulang untuk pengisian RON95 dilihat masih berlaku di beberapa stesen minyak sekitar kawasan sempadan.

© 2024 BH. All Rights Reserved.

lusan," katanya.

Kelmaris, media melaporkan jualan diesel di sempadan menunjukkan penurunan 40 peratus sejak kerajaan mengumumkan pengurangan harga subsidi diesel, sekali gus mengesahkan memang wujud aktiviti penyeludupan diesel ke negara sempadan sebelum ini.

Menyeri Kewangan II, Daruk

Seri Amir Hamzah Azhan, dipetik berkata langkah pengawalan subsidi bermula 30 Jun lalu menyaksikan jumlah jualan runtu diesel di stesen minyak menurun hampir lapan juta liter sehari atau 30 peratus untuk minggu pertama selepas pengumuman penetapan semula harga diesel, berbanding minggu sebelum pengumuman.

## Gerakan boikot buka peluang peniaga tempatan

**KUALA LUMPUR:** Gerakan boikot terhadap jenama yang berkaitan dengan Israel diakui membuka peluang kepada perniagaan tempatan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, gerakan boikot itu memberi kesan signifikan dalam beberapa cara terutamanya dalam sektor perniagaan dan ekonomi tempatan.

Kata beliau, penjualan jenama berkaitan Israel didapati berkurangan sementara produk tempatan pula mengalami peningkatan.

"Namun, syarikat-syarikat tempatan perlu memastikan mereka memenuhi jangkaan kualiti dan harga yang kompetitif dalam mengekalkan sokongan pengguna bagi jangka masa panjang," katanya dalam

jawapan bertulis yang disiarkan di laman sesawang Parlimen Malaysia, semalam.

Armizan berkata demikian bagi menjawab soalan Datuk Rosol Wahid (PN-Hulu Terengganu) yang meminta beliau menyatakan sejauh manakah kesan kuasa boikot terhadap jenama-jenama yang berhubung kait dengan Zionis Israel merentas sektor perniagaan dan pada tahap manakah perniagaan tempatan atau barangan tempatan.

Mengulas lanjut, beliau berkata, gerakan boikot secara tidak langsung membantu meningkatkan kesedaran dalam kalangan pengguna mengenai pentingnya menyokong produk tempatan yang seterusnya boleh membangkitkan rasa bangga serta meningkatkan sokongan terhadap ekonomi negara.

"Sebagai contoh, terdapat kecenderungan pengguna mula beralih kepada rangkaian restoran makanan segera milik tempatan," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, permintaan yang meningkat bagi produk tempatan membuka ruang kemunculan usahawan baru yang menawarkan pelbagai produk sebagai alternatif.

"Ini bukan sahaja meningkatkan persaingan sihat dalam pasaran, malah turut membantu pembentukan lebih banyak peluang pekerjaan dan pengukuhan ekonomi mikro.

"Ini dapat dilihat, secara purata, sebanyak 30 Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) baru berdaftar di bawah KPND melalui portal Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM)," katanya.

## Jadi PATI selepas ditipu agensi pekerjaan

**KLANG** – “Saya ditipu ejen pekerjaan.”

Itu alasan diberikan seorang wanita warga Indonesia dikenali Masyitah, 35, apabila ditahan Jabatan Imigrasi selepas didapati tiada permit kerja.

Kata janda tiada anak itu, dia memasuki negara ini sejak Disember tahun lalu dengan membayar sejumlah 5 juta rupiah (RM1,500) kepada agensi pekerjaan.

“Agensi janji saya akan bekerja sebagai cleaner, namun apabila masuk Malaysia secara sah dibiarkan begitu sahaja.

“Sepanjang lapan bulan berada di negara ini, pelbagai kerja saya lakukan termasuk pembantu kedai sebelum ditangkap,” ujarnya yang menyewa bilik RM400 sebulan.

Dalam operasi bermula pukul 6 petang kelmarin itu, seramai 384 warga asing terdiri Bangladesh, Nepal, Indonesia, Myanmar dan Pakistan ditahan hasil pemeriksaan terhadap 1,700 individu.

Pengarah Imigrasi Selangor, Khairul Aminus Kamaruddin berkata, operasi tersebut hasil risikan selama tiga bulan

susulan aduan orang ramai selain turut tular di TikTok.

Katanya, seramai 298 anggota dan pegawai termasuk dari Pasukan Gerakan Am, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Majlis Bandaraya Diraja Klang, dan Jabatan Pendaftaran Negara terlibat dalam operasi bersepadu itu.

“Semasa serbuan didapati lokaliti perumahan flat tersebut meriah dengan himpunan warga asing yang membanjiri pasar minggu dan deretan kedai di kawasan flat tersebut.

“Kita telah melakukan kepungan pada perimeter berkeluasan 300 X 400 meter melibatkan empat zon antaranya lot kedai, kawasan padang permainan dan sekitar kediaman,” katanya.

Ujarnya, hasil pemeriksaan mendapati terdapat warga asing tidak memiliki permit dan tinggal lebih masa selama lima bulan.

“Ada juga langgar syarat pas apabila sepatutnya berada di sektor pembinaan, namun bekerja sebagai juruwang kedai runcit,” katanya.



**WARGA** asing menjadikan kawasan lot kedai di Flat Bandar Suleiman, Klang sebagai tempat untuk bersembang sesama mereka.

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim  
 nfaizlina@nstp.com.my

# PENYELUDUP PETROL GUNA KERETA TEMPATAN

*Puluhan kenderaan penuh stesen minyak sebelum kembali ke negara jiran*

**Rantau Panjang**

Pengawasan harga serta penyusutan subsidi diesel dilaksanakan kerajaan menyebabkan pam diesel di beberapa stesen minyak di sempadan negara tenggang manakala pam petrol sesak sehingga perlu menunggu giliran untuk membuat pengisian.

Tinjauan seawal jam 7 hingga 9 pagi mendapati, pembelian petrol RON95 secara berulung masih berlaku walaupun larangan sudah dibuat oleh kerajaan.

Pemerhatian mendapati, puluhan kereta Proton Waja memenuhi beberapa stesen minyak untuk mengisi petrol sebelum kenderaan terbabit dilihat masuk se-

mula ke negara jiran.

Malah, ada dalam kalangan mereka dilihat ke lokasi lain selepas pengisian sebelum kembali semula ke stesen berkenaan untuk mengisi petrol.

Selain kebanyakannya didalangi kereta Proton Waja, kenderaan pacuan empat roda termasuk Pajero dan Hilux juga kelihatan membuat pengisian petrol RON95.

Pengarah Kementerian

Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, Azma Ismail ketika dihubungi memaklumkan jualan diesel di sempadan mengalami pengurangan manakala petrol pula berlaku peningkatan.

Begitupun katanya, pihaknya tidak mempunyai data yang tepat memandangkan pelaksanaan penyusutan subsidi baru bermula dan jumlah pengu-

katan itu akan diperoleh akhir bulan ini.

"Namun sepanjang bulan ini sehingga semalam, tiada kes tangkapan dan rampasan membabitkan diesel.

"Sebaliknya hanya kes petrol direkodkan sebanyak 27 kes membabitkan rampasan 4,095 liter petrol bernilai lebih RM8,200.

"Kebanyakan penyeludup petrol menggunakan kenderaan biasa dengan kebanyakannya adalah Proton Waja disebabkan tangki

yang besar," katanya ketika dihubungi.

Pada masa sama, Azma turut mengakui masih terdapat berlaku pengisian berulung di sempadan namun ia sudah dibuktikan berkaitan ke kawasan yang gota.

"Untuk membuktikan kegiatan berkenaan kita perlu berada di stesen terbabit 24 jam, sedangkan kita sendiri berdepan kekurangan keanggotaan.

"Namun sekiranya perancangan kita untuk memasang rakaman kamera liter tertutup (CCTV) di stesen di sempadan dilaksanakan, ia lebih mudah untuk kita membuat pemer-

tauan," katanya.

Kelmarin, media melaporkan, jualan diesel di sempadan menunjukkan penurunan 40 peratus sejak kerajaan mengumumkan pengurangan harga subsidi diesel, sekali gus mengesahkan memang wujud aktiviti penyeludupan diesel ke negara sempadan sebelum ini.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Arizan berkata, langkah penyusutan subsidi bermula 10 Jun lalu menyaksikan jumlah jualan runcit diesel di stesen minyak menurun hampir lapan juta liter sehari atau 30 peratus untuk minggu pertama selepas pengumuman penetapan semula harga diesel, berbanding minggu sebelum pengumuman.

**“Kebanyakannya adalah Proton Waja disebabkan tangki yang besar”**  
 Azma



**TINJAUAN** di stesen minyak berdekaran dengan sempadan kelantan-Thailand seawal jam 7 hingga 9 pagi mendapati pembelian petrol secara berulung masih berlaku walaupun larangan pembelian berulung sudah dibuat oleh kerajaan. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

**Kota Bharu:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan membuat sitaan 1,207 unit aksesori telefon jenama terkenal yang disyaki tiruan dianggarkan bernilai RM33,104.

Serbuan berasingan dilakukan di empat premis sekitar Kota Bharu secara serentak pada Ahad lalu dan kelmarin.

Pengarah KPDN Kelantan Azman Ismail berkata, serbuan dilakukan hasil aduan wakil pemilik cap dagang seterusnya pasukan risikan membuat pemantauan.

"Hasil serbuan yang dibuat menemui pelbagai aksesori telefon berjenama terkenal antaranya bateri, wayar pengecas, penyesuai sambungan dan alat fon telinga.

"Semua barangan itu disyaki mempunyai pelanggaran mengikut Akta Cap Dagangan 2019 iaitu mempunyai dalam milikan, kawalan dan jagaan bagi maksud perdagangan suatu cap dagangan berdaftar dipakaikan dengan salah pada barangan atau perkhidmatan.



PENGUAT kuasa KPDN melakukan pemeriksaan di premis sekitar Kota Bharu sebelum menyita 1,207 aksesori telefon disyaki tiruan bernilai RM33,104.

## 1,207 aksesori tiruan disita

"Sitaan dilakukan terhadap 1,207 unit aksesori telefon berjenama terkenal disyaki tiruan dengan nilai rampasan keseluruhan bagi kertas siasatan yang dibuka dianggarkan berjumlah RM33,104," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Azman berkata, keempat-empat premis itu juga ada menjalankan jualan menerusi dalam talian.

Menurutnya lagi, empat tindakan kes yang dihasil-

kan itu akan disiasat mengikut Akta Cap Dagangan 2019 dan jika sabit kesalahan, pemilik premis perniagaan boleh dikenakan denda.

"Jika pertubuhan atau perbadanan, denda tidak melebihi RM15,000 bagi setiap barang manakala individu atau perseorangan pula dendanya tidak melebihi RM10,000 bagi setiap barang atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya.

**RM33K**

Anggaran nilai sitaan 1,207 aksesori telefon jenama terkenal

"Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana individu atau peniaga yang melakukan kesalahan ini dan selain denda yang tinggi, mereka juga boleh berdepan dengan pertuduhan di mahkamah," katanya.

## Aksesori telefon bimbit tiruan bernilai RM33,104 dirampas



Seorang anggota penguat kuasa KPDN Kelantan memeriksa aksesori telefon bimbit yang dijual di salah sebuah kedai yang diserbu di Kota Bharu.

**KOTA BHARU** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos-Sara Hidup (KPDN) Kelantan menyita 1,207 unit aksesori telefon bimbit tiruan bernilai RM33,104.

Operasi Bersepadu bersama wakil pemilik Cap Dagangan yang dijalankan selama dua hari pada Ahad dan Isnin itu berjaya menghasilkan empat tindakan kes di bawah Akta Cap Dagangan 2019.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, serbuan serentak di dua lokasi sekitar bandar Kota Bharu itu membawa kepada rampasan aksesori telefon bimbit tiruan seperti wayar pengecas, penyusut dan fon telinga.

Menurutnya, serbuan mendapati kesemua barangan

tersebut dilyaki melanggar Akta Cap Dagangan 2019.

"Jika sabit kesalahan pemilik premis perniagaan boleh didenda tidak melebihi RM15,000 bagi setiap barang.

"Bagi individu atau perseorangan pula denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap barang atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Azman memberitahu, operasi tersebut dijalankan bagi membarterasi aktiviti penjualan barangan tiruan secara dalam talian, serta penggunaan cap dagangan tanpa kelulusan dan kebenaran daripada pemilik cap dagangan berdaftar.





# Kilang sarung tangan diserbu simpan 73 tong LPG

FOTO: KPDN JOHOR

Pengarah syarikat dipanggil untuk membantu siasatan

Oleh NOR AZURA MD AMIN  
JOHOR BAHRU

**S**ebanyak 73 tong gas petroleum cecair (LPG) bernilai RM3,180 dirampas di sebuah kilang sarung tangan getah di Tangkak, kerana disyaki menyimpan barang kawalan berjadual tanpa permit.

Rampasan dilakukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) cawangan Muar, susulan pemeriksaan yang dilakukan pada Isnin.

Pengarah KPDN Johor, Lilis Sasiinda Pornomo berkata, daripada pemeriksaan awal yang dilakukan, kilang tersebut di-

dapati mengguna dan menyimpan tong LPG.

"Satu tindakan kes telah dihasilkan ke atas kilang tersebut kerana disyaki melakukan kesalahan memiliki atau menyimpan barang kawalan berjadual LPG tanpa kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa.

"Kesemua unit tong LPG dan beberapa dokumen perniagaan turut disita. Seorang lelaki warga tempatan yang merupakan pengarah syarikat turut dipanggil untuk membantu siasatan," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 yang jika sabit kesalahan boleh didenda hingga RM1 juta atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama.

Manakala bagi kesalahan kedua dan seterusnya denda tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.



Anggota KPDN memeriksa tong LPG di sebuah kilang sarung tangan getah di Tangkak.



## Dua penyeludup petrol dicekup KPDN

**TUMPAT** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan berjaya mencekup dua penyeludup petrol semasa menyerbu sebuah stesen minyak di sini pada Isnin.

Serbuan sekitar jam 9.30 pagi itu turut berjaya merampas 125 liter petrol dan dua buah kereta jenis Proton Saga Iswara yang digunakan untuk tujuan penyelewengan.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, hasil pemeriksaan ke atas lelaki pertama berusia 40-an mendapati kereta tersebut telah diubahsuai untuk tujuan penyelewengan.

"Sebanyak 50 liter petrol bernilai RM125 dirampas dengan nilai keseluruhan rampasan RM5,125 termasuk kenderaan.

"Bagi tangkapan kedua seorang lelaki berusia 20-an ditahan bersama kenderaan yang diubahsuai," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Menurut beliau, sebanyak 75 liter minyak bernilai RM153.75 dirampas, dengan nilai keseluruhan rampasan RM5,153.75 termasuk kenderaan.

Azman memberitahu, kedua-dua suspek disiasat bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

## Traders comply with new egg price limits

PUTRAJAYA: No traders were found selling chicken eggs above the new government-mandated price ceiling set on June 17, the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) said.

Its Enforcement Director-General Datuk Azman Adam said a week-long monitoring of 1,828 wholesale and retail premises revealed compliance with the newly reduced egg prices across various shopping hubs such as public markets, farmers' markets and supermarkets.

He said 2,200 enforcement officers were deployed to ensure adherence to the pricing regulations.

"Despite this, KPDN has taken action against six traders for failing to display required pink price tags and two more cases for not displaying prices," he said in a statement Tuesday.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim recently announced reductions to retail prices for Grade A, B, and C chicken eggs to 42 sen, 40 sen and 38 sen per egg respectively, effective from June 17. - Bernama

## Peniaga patuhi harga siling jualan telur ayam: KPDN

PUTRAJAYA: Tiada peniaga dikesan menjual telur ayam melebihi harga siling baharu yang ditetapkan kerajaan pada 17 Jun lepas, menurut Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN Datuk Azman Adam berkata pemantauan ke atas 1,828 premis borong dan runcit selama tujuh hari sejak penurunan harga telur ayam di pasaran mendapati tiada pihak menjual melebihi harga ditetapkan.

Katanya, seramai 2,200 pegawai penguat kuasa KPDN digerakkan ke lokasi tumpuan orang ramai berbelanja seperti pasar awam, pasar tani dan pasar raya untuk memastikan peniaga menjual telur ayam pada harga siling baharu yang ditetapkan kerajaan.

"Walau bagaimanapun, KPDN telah mengambil tindakan ke atas enam peniaga yang gagal meletakkan tanda harga merah jambu dan dua kes kerana tidak meletakkan tanda harga," katanya dalam kenyataan, Selasa.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata harga runcit bagi telur ayam gred A, B dan C masing-masing kini turun kepada 42 sen, 40 sen dan 38 sen sebiji berkuat kuasa 17 Jun 2024.

Beliau berkata kerajaan memutuskan harga runcit telur ayam gred A, B dan C di seluruh negara diturunkan 3 sen sebiji selaras usaha mengembalikan hasil penjiatan penyasaran subsidi kepada rakyat.

Azman berkata KPDN merakamkan penghargaan kepada majoriti peniaga yang mematuhi undang-undang yang telah dikuatkuasakan kementerian serta menjalankan perniagaan secara beretika.-  
Bernama

# 天T 賦盃人00SS員燻 : 陪買內 賈頁筑高賈蚤育未

丑育土 賦市 賦 未 陪 費 詔 主 又 是 寬 內 國 ( 册 日 25 賦 詔 )  
。 蚤 啟 書 出 付 書 零 的 宝 賦 詔 日 7 且 日 干 詔 題 干 高 以 , 顯 商 同  
市 自 , 示 奏 曼 慈 罔 晉 拿 丑 主 匪 去 此 陪 費 詔 主 又 是 寬 內 國  
行 世 商 貴 榮 味 武 批 个 8581 向 員 崗 , 來 以 糾 不 辭 付 蚤 啟 的 土 賦  
。 書 出 辭 付 的 宝 賦 干 高 以 式 一 同 丑 育 賦 庭 武 , 賦 盃 的 天 T  
的 的 的 集 眾 另 丑 前 員 人 去 此 各 00SS 丁 員 處 陪 題 , 賦 詔  
題 以 顯 商 尉 商 以 , 查 賦 市 賦 味 集 市 业 亦 , 條 巴 共 公 賦 , 詔 賦  
。 蚤 啟 書 出 付 題 錄 最 的 宝 賦 詔  
。 案 商 的 簽 辭 辭 付 的 丑 匪 胡 派 詔 未 各 日 以 丑 匪 , 長 不  
” 。 賦 行 如 采 料 案 的 簽 辭 辭 付 的 胡 派 未 詔 兩 又 以  
A , 詔 日 7 且 日 干 令 从 , 示 奏 半 交 里 祺 晉 拿 林 首 , 前 此  
。 此 83 味 此 04 , 此 54 至 糾 限 分 辭 付 書 零 的 蚤 啟 題 C 味 題 B , 題  
辭 武 題 以 , 此 3 丑 糾 辭 付 書 零 蚤 啟 題 C , B , A 國 全 辭 宝 央 詔 題  
。 另 人 干 歪 果 的 的 胡 派

## 和 姓 直 營 各 址 重 可 眾 另

宗 交 賦 陪 費 詔 主 又 是 寬 內 國 向 直 營 个 各 址 重 以 可 眾 另  
nubA-e 网 官 , ( 0008 848-010 ) qqAztbW 註 冊 , 和 姓 的 董  
可 出 眾 另 。 ( 008-088-008-1 ) 獎 獎 味 ( ym.vog.nubk.nubus )  
通 以 申 聯 ( e-qbun@kqbun.gov.y ) 手 機 用 程 序 ( KPDN  
。 和 姓 出 行 ( 245088800 888-03 ) 室 處 行 去 此 題 ( Ex ADU ) 出 投 訴





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **AGENSI**

## 20,000 pekerja terima gaji progresif Oktober

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**  
arif.aiman@nemas.com.my

**KUALA LUMPUR:** Kira-kira 20,000 pekerja tempatan menjadi perintis pelaksanaan Dasar Gaji Progresif (DGP) yang akan mula dilaksanakan oleh kerajaan pada Oktober ini.

Ini selepas projek rintis DGP

bermula pada Jun hingga Ogos bagi menilai kemasukan dasar dan sistem yang dibangunkan serta menentukan sebarang penambahbaikan diperlukan selesai.

Timbulan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Abdul Rah- man Mohamad berkata, DGP akan dilaksanakan secara me-

nyeluruh seperti diputuskan oleh jemaah menteri bermula Oktober ini selepas penilaian impak projek rintis tersebut dibuat pada September.

Menurutnya, permohonan untuk majikan menyertai projek rintis DGP juga kian meningkat iaitu sehingga seramai (25 Jun) terdapat sebanyak 732 majikan

membuka akaun menerusi Sistem Gaji Progresif.

Malah, jelas beliau, daripada jumlah tersebut, sebanyak 237 majikan mengemukakan permohonan untuk menyertai projek rintis DGP.

Katanya, sebanyak RM50 juta disediakan bagi pelaksanaan projek rintis DGP termasuk bagi

pembayaran insentif kepada 1,000 majikan.

"Pembayaran insentif kepada pihak majikan dijangka bermula Oktober 2024 apabila mereka mengemukakan tuntutan selepas memenuhi syarat yang ditetapkan.

**Bersambung di muka 3**

## 20,000 pekerja terima gaji progresif Oktober

Dari muka 1

"Pemberian insentif ini dijangka memberi manfaat kepada 20,000 pekerja tempatan yang bergaji antara RM1,500 hingga RM4,999," katanya semasa Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Abdul Rahman menjawab soalan Datuk Seri Mohmed Puzi Ali (Pekan), Mohd. Syahir Che Sulaiman (Bachok), Abdul Khalib Abdullah (Rompin), Azli Yusof (Shah Alam), Zahir Hassan (Wangsa Maju) yang memintanya menjelaskan mengenai garis masa pelaksanaan DGP.

Sebelum ini kerajaan menetapkan matlamat bagi menambah baik struktur gaji dan upah pekerja sektor swasta melalui pelaksanaan DGP.

Dengan pengenalan dasar baharu tersebut, ia akan menjadi pelengkap kepada inisiatif gaji sedia ada, iaitu Perintah Gaji Minimum dan Sistem Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti (PLWS).

Kementerian Sumber Manusia dilaporkan sehingga Jun ini menganjurkan sebanyak 16 libat urus melibatkan wakil majikan dan pekerja dengan ker-



**ABDUL Rahman Mohamad memberi penjelasan semasa Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.**  
- JABATAN PENERANGAN

jasama kementerian dan agensi lain seperti Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Jabatan Kesatuan Hal Ehwal Pekerja (JHEKS) dan Kementerian Ekonomi.

Berdasarkan sesi libat urus tersebut, Kementerian Sum-

ber Manusia memaklumkan pihaknya mendapati majoriti majikan dan pekerja memberi maklum balas yang positif terhadap pelaksanaan DGP.

Dalam pada itu, Abdul Rahman berkata, terdapat be-

berapa syarat yang dikenakan Kementerian Sumber Manusia dalam proses pemilihan 1,000 majikan untuk menyertai projek rintis DGP.

Jelasnya, antara syaratnya adalah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), pihak berkuasa tempatan (PBT) atau lain-lain pertubuhan dan berdaftar dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) serta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

"Bagi bukan syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat multinasional, tuntutan insentif hanya kepada pekerja warganegara Malaysia serta menggaji pekerja yang bekerja sepenuh masa di bawah satu kontrak perkhidmatan.

"(Selain itu) menggaji pekerja yang menerima gaji pokok tidak melebihi had gaji yang ditentukan oleh Jawatankuasa Eksekutif Pelaksanaan DGP. Bagi projek rintis, had gaji yang ditentukan adalah RM1,500 hingga RM4,999 sebulan.

"Penyertaan dibuka kepada semua sektor kecuali sektor pentadbiran awam dan pertahanan, aktiviti sosial wajib serta aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah," katanya.





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **BERITA ONLINE**

## **KPDN**

**BERITA ONLINE BERTARIKH 26 JUN 2024**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
26-Jun	KPDN Sandakan tidak kompromi dengan pihak cuba ganggu, manipulasi harga telur ayam	<a href="https://sabahmedia.com/2024/06/25/kpdn-sandakan-tidak-kompromi-dengan-pihak-cuba-ganggu-manipulasi-harga-telur-ayam/">https://sabahmedia.com/2024/06/25/kpdn-sandakan-tidak-kompromi-dengan-pihak-cuba-ganggu-manipulasi-harga-telur-ayam/</a>	SABAH MEDIA
26-Jun	Domestic Trade and Cost of Living Ministry monitoring Sandakan egg supply and prices	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/236723/domestic-trade-and-cost-of-living-ministry-monitoring-sandakan-egg-supply-and-prices/">https://www.dailyexpress.com.my/news/236723/domestic-trade-and-cost-of-living-ministry-monitoring-sandakan-egg-supply-and-prices/</a>	DAILY EXPRESS
26-Jun	9 pelan dilaksana bagi banteras penyeludupan diesel – KPDN	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/9-pelan-dilaksana-bagi-banteras-penyeludupan-diesel-kpdn/">https://www.buletintv3.my/nasional/9-pelan-dilaksana-bagi-banteras-penyeludupan-diesel-kpdn/</a>	BULETIN TV3
26-Jun	Ubah suai kereta seludup petrol	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/671665/berita/semasa/ubah-suai-kereta-seludup-petrol">https://www.sinarharian.com.my/article/671665/berita/semasa/ubah-suai-kereta-seludup-petrol</a>	SINAR HARIAN
26-Jun	KPDN serbu kilang simpan 73 tong gas tanpa permit	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/671689/berita/semasa/kpdn-serbu-kilang-simpan-73-tong-gas-tanpa-permit">https://www.sinarharian.com.my/article/671689/berita/semasa/kpdn-serbu-kilang-simpan-73-tong-gas-tanpa-permit</a>	SINAR HARIAN
26-Jun	KPDN sita 1,207 unit aksesori telefon berjenama	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/671669/berita/semasa/kpdn-sita-1207-unit-aksesori-telefon-berjenama">https://www.sinarharian.com.my/article/671669/berita/semasa/kpdn-sita-1207-unit-aksesori-telefon-berjenama</a>	SINAR HARIAN
26-Jun	KPDN Kelantan membuat sitaan 1,207 unit aksesori telefon jenama terkenal	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/06/1104205/kpdn-kelantan-membuat-sitaan-1207-unit-aksesori-telefon-jenama-terkenal">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/06/1104205/kpdn-kelantan-membuat-sitaan-1207-unit-aksesori-telefon-jenama-terkenal</a>	HARIAN METRO
26-Jun	Jualan diesel menurun 40 peratus	<a href="https://www.hmetro.com.my/bisnes/2024/06/1104120/jualan-diesel-menurun-40-peratus">https://www.hmetro.com.my/bisnes/2024/06/1104120/jualan-diesel-menurun-40-peratus</a>	HARIAN METRO
26-Jun	MCW dakwa pengusaha minyak dalang penyeludupan diesel	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/06/25/mcw-dakwa-pengusaha-minyak-dalang-penyeludupan-diesel/">https://malaysiagazette.com/2024/06/25/mcw-dakwa-pengusaha-minyak-dalang-penyeludupan-diesel/</a>	MALAYSIA GAZETTE
26-Jun	Diesel: MCW desak KPDN lakukan kajian terperinci	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/06/diesel-mcw-desak-kpdn-lakukan-kajian-terperinci/#google_vignette">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/06/diesel-mcw-desak-kpdn-lakukan-kajian-terperinci/#google_vignette</a>	UTUSAN MALAYSIA

26-Jun	Tiada peniaga jual telur lebih harga ditetapkan – KPDN	<a href="https://www.utusan.com.my/terkini/2024/06/tiada-peniaga-jual-telur-lebih-harga-ditetapkan-kpdn/">https://www.utusan.com.my/terkini/2024/06/tiada-peniaga-jual-telur-lebih-harga-ditetapkan-kpdn/</a>	UTUSAN MALAYSIA
26-Jun	Tiada peniaga jual telur mahal – KPDN	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/tiada-peniaga-jual-telur-mahal-kpdn/">https://www.buletintv3.my/nasional/tiada-peniaga-jual-telur-mahal-kpdn/</a>	BULETIN TV3
26-Jun	Peniaga patuh harga siling telur ayam – KPDN	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/06/25/peniaga-patuh-harga-siling-telur-ayam-kpdn/">https://www.kosmo.com.my/2024/06/25/peniaga-patuh-harga-siling-telur-ayam-kpdn/</a>	KOSMO
26-Jun	Full compliance with new egg price limits across retail sector - KPDN	<a href="https://thesun.my/local-news/full-compliance-with-new-egg-price-limits-across-retail-sector-kpdn-HH12620654">https://thesun.my/local-news/full-compliance-with-new-egg-price-limits-across-retail-sector-kpdn-HH12620654</a>	THE SUN
26-Jun	Domestic Trade Ministry: Full compliance with new egg price limits across retail sector	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/06/25/domestic-trade-ministry-full-compliance-with-new-egg-price-limits-across-retail-sector/141479">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/06/25/domestic-trade-ministry-full-compliance-with-new-egg-price-limits-across-retail-sector/141479</a>	MALAY MAIL
26-Jun	PENIAGA PATUHI HARGA SILING JUALAN TELUR AYAM - KPDN	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2311176">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2311176</a>	BERNAMA
26-Jun	Peniaga patuhi harga siling jualan telur ayam - KPDN	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/06/1104348/peniaga-patuhi-harga-siling-jualan-telur-ayam-kpdn">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/06/1104348/peniaga-patuhi-harga-siling-jualan-telur-ayam-kpdn</a>	HARIAN METRO
26-Jun	Peniaga patuhi harga siling jualan telur ayam - KPDN	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/671798/berita/nasional/peniaga-patuhi-harga-siling-jualan-telur-">https://www.sinarharian.com.my/article/671798/berita/nasional/peniaga-patuhi-harga-siling-jualan-telur-</a>	SINAR HARIAN
26-Jun	Peniaga patuhi harga siling jualan telur ayam: KPDN	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/06/25/peniaga-patuhi-harga-siling-jualan-telur-ayam-kpdn">https://www.utusanborneo.com.my/2024/06/25/peniaga-patuhi-harga-siling-jualan-telur-ayam-kpdn</a>	UTUSAN BORNEO
26-Jun	KPDN tahan pemandu lori cuba seleweng petrol	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/06/1104313/kpdn-tahan-pemandu-lori-cuba-seleweng-petrol">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/06/1104313/kpdn-tahan-pemandu-lori-cuba-seleweng-petrol</a>	HARIAN METRO

26-Jun	Pemandu lori ditahan, cuba seleweng 700 liter petrol bersubsidi	<a href="https://www.buletintv3.my/jenayah/pemandu-lori-ditahan-cuba-seleweng-700-liter-petrol-bersubsidi/">https://www.buletintv3.my/jenayah/pemandu-lori-ditahan-cuba-seleweng-700-liter-petrol-bersubsidi/</a>	BULETIN TV3
26-Jun	KPDN tahan pemandu lori seludup 700 liter petrol	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/06/kpdn-tahan-pemandu-lori-seludup-700-liter-petrol/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/06/kpdn-tahan-pemandu-lori-seludup-700-liter-petrol/</a>	UTUSAN MALAYSIA
26-Jun	Sindiket penyeludupan kini beralih kepada petrol	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/06/25/sindiket-penyeludupan-kini-beralih-kepada-petrol/">https://malaysiagazette.com/2024/06/25/sindiket-penyeludupan-kini-beralih-kepada-petrol/</a>	MALAYSIA GAZETTE
26-Jun	KPDN tahan pemandu lori seludup 700 liter petrol	<a href="https://www.malay.news/kpdn-tahan-pemandu-lori-seludup-700-liter-petrol/">https://www.malay.news/kpdn-tahan-pemandu-lori-seludup-700-liter-petrol/</a>	MALAY NEWS
26-Jun	KPDN Pulau Pinang rampas 700 liter petrol	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/671792/berita/semasa/kpdn-pulau-pinang-rampas-700-liter-petrol">https://www.sinarharian.com.my/article/671792/berita/semasa/kpdn-pulau-pinang-rampas-700-liter-petrol</a>	SINAR HARIAN
26-Jun	KPDN Pulau Pinang tahan lelaki beli petrol untuk seludup ke negara jiran	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-pulau-pinang-tahan-lelaki-beli-petrol-untuk-seludup-ke-negara-jiran-476290">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-pulau-pinang-tahan-lelaki-beli-petrol-untuk-seludup-ke-negara-jiran-476290</a>	ASTRO AWANI
26-Jun	Penang KPDN held man buying petrol to smuggle to neighbouring country	<a href="https://thesun.my/local-news/penang-kpdn-held-man-buying-petrol-to-smuggle-to-neighbouring-country-GH12622499">https://thesun.my/local-news/penang-kpdn-held-man-buying-petrol-to-smuggle-to-neighbouring-country-GH12622499</a>	THE SUN
26-Jun	Isi petrol dalam tong, pemilik stesen minyak didenda RM50,000	<a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/isi-petrol-dalam-tong-pemilik-stesen-minyak-didenda-rm50000/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/isi-petrol-dalam-tong-pemilik-stesen-minyak-didenda-rm50000/</a>	BULETIN TV3
26-Jun	Isi petrol dalam 'jerry can': Pemilik stesen minyak didenda RM50,000	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/06/1104375/isi-petrol-dalam-jerry-can-pemilik-stesen-minyak-didenda-rm50000">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/06/1104375/isi-petrol-dalam-jerry-can-pemilik-stesen-minyak-didenda-rm50000</a>	HARIAN METRO
26-Jun	Kedah KPDN slaps notice on building materials supplier for hiking prices of bricks, sand	<a href="https://thesun.my/local-news/keдах-kpdn-slaps-notice-on-building-materials-supplier-for-hiking-prices-of-bricks-sand-KE12618516">https://thesun.my/local-news/keдах-kpdn-slaps-notice-on-building-materials-supplier-for-hiking-prices-of-bricks-sand-KE12618516</a>	THE SUN
26-Jun	Pam RON95 sesak di sempadan, ada kereta buat pembelian berulang - Tinjauan	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/06/1263241/pam-ron95-sesak-di-sempadan-ada-kereta-buat-pembelian-berulang">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/06/1263241/pam-ron95-sesak-di-sempadan-ada-kereta-buat-pembelian-berulang</a>	BERITA HARIAN
26-Jun	237 majikan kemuka permohonan disertai projek rintis gaji progresif	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/671720/berita/nasional/237-majikan-kemuka-permohonan-sertai-projek-rintis-gaji-progresif">https://www.sinarharian.com.my/article/671720/berita/nasional/237-majikan-kemuka-permohonan-sertai-projek-rintis-gaji-progresif</a>	SINAR HARIAN
26-Jun	Telur ayam: KPDN tingkat pemantauan di Sandakan	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/236761/telur-ayam-kpdn-tingkat-pemantauan-di-sandakan/">https://www.dailyexpress.com.my/news/236761/telur-ayam-kpdn-tingkat-pemantauan-di-sandakan/</a>	DAILY EXPRESS